

04 MAY 2002

Mahathir-Ideologi

JANGAN TERBAWA-BAWA DENGAN IDEOLOGI ORANG LAIN, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 4 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat Malaysia supaya jangan terbawa-bawa dengan cara, pendekatan dan ideologi orang lain.

Percayalah apa yang dicipta oleh mereka adalah untuk kepentingan mereka sahaja, katanya.

"Lihatlah ideologi sosialis dan komunis yang kononnya membolehkan negara pengamal dianggap syurga di dunia," kata Dr Mahathir dalam ucapannya di Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2002 di sini, hari ini.

Slogan dua ideologi ini ialah segala-galanya saksama antara manusia dengan manusia, mereka menjual ideologi ini dan rakyat mereka dan negara-negara lain menerima ideologi kesaksamaan ini.

Tetapi hari ini mereka sudah menggugurkan ideologi ciptaan mereka ini. Malangnya keadaan negara-negara yang menerima dan mengamal ideologi ini sudah terlalu teruk untuk dipulihkan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mungkin dianggap kurang demokratik dan kurang bebas tetapi ia lebih selamat dan lebih maju.

"Kita tidak perlu memohon maaf kepada sesiapa kerana amalan kita di Malaysia dan cara mereka tidak semestinya lebih baik dan cara kita tidak semestinya lebih buruk," katanya.

Menurut beliau yang penting bukan ideologi atau persepsi tetapi yang penting ialah kesejahteraan kita.

"Jika tidak baik, kenapakah begitu ramai yang bermati-matian untuk seludup masuk ke Malaysia," katanya.

Menyentuh mengenai peralihan kepada zaman teknologi maklumat sekarang, Dr Mahathir berkata ia adalah satu revolusi seperti revolusi industri yang berlaku 200 tahun dahulu.

Dr Mahathir berkata, pada masa kini teknologi maklumat dapat memudahkan lagi daya pengeluaran barangan dan khidmat.

"Demikianlah keajaiban komputer sehingga barangan boleh dikeluarkan tanpa pekerja selain daripada yang bertanggungjawab menyelia mesin-mesin automasi dan robot," katanya.

Dr Mahathir juga berkata apabila kebolehan menyediakan program menjadi penting, kebolehan mereka bentuk mikropemproses atau mikrocip juga menjadi penting.

-- BERNAMA

RIZ AT PR